

Istilah bahasa Malaysia hanya untuk buku baru

PUTRAJAYA 14 Jun - Istilah Bahasa Malaysia yang diperkenalkan semula oleh Kementerian Pelajaran hanya untuk buku baru sahaja sementara buku sedia ada yang menggunakan istilah Bahasa Melayu akan dikekalkan.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, ia adalah satu kelonggaran bagi mengelakkan pembaziran dalam mencetak buku baru untuk digunakan oleh pelajar.

Menurutnya, pertukaran istilah itu bukan satu masalah kerana dari segi kandungan, perisian dan penekanan buku itu adalah sama, cuma istilah ditukar kerana Jemaah Menteri merasakan istilah Bahasa Malaysia lebih sesuai untuk masyarakat majmuk di negara ini.

"Perkara ini ada dibincang dalam mesyuarat pasca Kabinet kementerian tadi, yang perlu kita ubah ialah istilah mata pelajaran Bahasa Melayu dan Malaysia, tapi untuk elak pembaziran kita gunakan buku sedia ada.

"Namun untuk buku baru kita sesuaikan ikut apa keputusan Jemaah Menteri, tetapi untuk pemeriksaan, kita mempunyai masa yang cukup untuk menukar istilah itu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Sekolah Cemerlang Kurikulum dan Penyerahan Jalur Gemilang kepada Pasukan Kementerian Pela-

jaran ke Danone Nations Cup 2007 di sini, hari ini.

Kabinet pada April lalu membuat keputusan bahawa Bahasa Malaysia akan dijadikan istilah rasmi bagi bahasa kebangsaan memandangkan ia bakal menamakan semangat bahasa kebangsaan milik semua tanpa mengira kaum.

Sehubungan itu, semua kementerian, universiti and pusat pengajian tinggi yang lain telah diarahkan supaya memaklumkan jabatan serta agensi berkaitan untuk menggunakan istilah Bahasa Malaysia dalam surat-menyurat, notis dan dokumen, berkuat kuasa serta-merta.

Menurut Hishammuddin, apabila Bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa kebangsaan, ia sekali gus memartabatkan bahasa itu sendiri.

Mengenai pelajar yang menyertai Kejohanan Danone Nations Cup di Peranchis pada 29 Jun hingga 1 Julai ini, Hishammuddin berkata, ia menunjukkan bahawa pendidikan di Malaysia tidak menumpukan kepada pencapaian akademik semata-mata.

Danone Nations Cup adalah terbuka kepada pelajar berumur 10 hingga 12 tahun sementara pasukan dari Pulau Pinang akan mewakili Malaysia dalam kejohanan yang disertai oleh 39 pasukan termasuk Algeria, Argentina, Belgium, Ireland, Rusia, Turki, England dan Ukraine.